



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

SULIT

5226/2

MODUL BERFOKUS SPM 2020

ANJURAN MPSM CAWANGAN PULAU PINANG

DENGAN KERJASAMA

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK

JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

NAMA SUBJEK : TASAWWUR ISLAM

KOD MP : 5226/2

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan.
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

NAMA:.....

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--


BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI 7 MUKA SURAT TERMASUK KULIT

SULIT

Jawab lima soalan sahaja

Soalan 1 **wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

1. (a)(i) Nyatakan maksud mukjizat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** peranan mukjizat. [2 markah]
- (iii) Senaraikan **empat** perkara luar biasa selain mukjizat. [4 markah]



- (b) Terangkan **dua** cara anda bersyukur dengan nikmat di atas. [4 markah]

- (c) Tanggal 1 April atau April Fool merupakan hari yang disambut di kebanyakan negara Eropah dan dunia barat. Bertujuan meraikan hari kemenangan atas terbunuhnya ribuan umat Islam Sepanyol oleh tentera salib yang dilakukan dengan cara penipuan. Umat Islam dilarang meraikan hari ini yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan hujah mengapa amalan tersebut bertentangan dengan ajaran Islam. [4 markah]

- (d) Terangkan **dua** akibat kepada masyarakat yang terpengaruh dengan ajaran sesat. [4 markah]

2. (a) Nyatakan **tiga** prinsip Syumuliyah. [3 markah]

Kesyumulan dalam kehidupan	
Ibadat Khusus (Hubungan manusia dengan Tuhan)	Ibadat Umum (Hubungan manusia dengan manusia)
Solat	Ekonomi
Puasa	Politik
Zakat	Undang-Undang Jenayah
Haji	Undang-Undang Keluarga
Dan lain-lain	Pendidikan
	Jihad / Perjuangan

Jadual 1

- (b) Jadual 1 di atas menunjukkan carta yang menggambarkan kesyumulan Islam dalam kehidupan .
- (i) Nyatakan contoh syumuliyah dalam bidang ekonomi. [1 markah]
 - (ii) Kemukakan hujah anda bahawa perundangan Islam bersifat syumuliyah. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** bukti ajaran Islam bersifat Alamiyyah. [4 markah]
- (d) Antara hak asasi manusia yang terkandung dalam prinsip Alamiyyah ialah memelihara kehormatan dan maruah diri.
Terangkan **dua** cara Islam memelihara kehormatan dan maruah diri. [4 markah]
- (e) Thabat bermaksud ajaran Islam tetap dan teguh serta tidak berubah.
Jelaskan konsep thabat terhadap perkara berikut:-
- (i) Ibadat solat fardu.
 - (ii) Hukum jenayah Islam. [4 markah]
3. (a) Perlembagaan Madinah yang digubal oleh Rasulullah SAW telah melahirkan sebuah negara Islam Madinah.
- (i) Senaraikan **dua** ciri negara Islam. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** peranan Rasulullah SAW sebagai pemimpin berdasarkan perlembagaan tersebut. [4 markah]
- (b)

Seseorang hakim terikat dengan etika kehakiman supaya keadilan dan kesaksamaan dapat dicapai.

- (i) Terangkan **dua** etika kehakiman menurut Islam. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faedah penghakiman yang adil dalam perbicaraan. [4 markah]
- (c) Tawakal bermaksud berserah kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu.
Jelaskan **tiga** cara anda merealisasikan amalan ini dalam menghadapi peperiksaan? [6 markah]

4. (a) Harta yang diperoleh mestilah diuruskan dengan cara yang ditetapkan oleh Allah SWT.
Nyatakan **empat** golongan yang tidak layak menguruskan harta [4 markah]

(b)



Terangkan **dua** kesan aktiviti di atas terhadap ekonomi umat Islam [4 markah]

(c)

Firman Allah SWT yang bermaksud :
 “Hendaklah kamu bantu membantu dalam perkara kebaikan”
 (Maksud surah al-Maidah ayat: 2)

Ayat di atas menjelaskan bahawa konsep at-Ta’awun terdapat dalam sistem muamalah Islam.

Jelaskan **dua** kegiatan muamalah yang mengandungi konsep tersebut. [4 markah]

- (d) Terangkan **dua** faedah Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah. [4 markah]

- (e) Mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam perniagaan dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat.
Bincangkan pernyataan di atas [4 markah]

5. (a)

Firman Allah SWT yang bermaksud :
 “Dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat kepadaKu”.
 (Maksud Surah az-Zaariyat: 56)

Berdasarkan ayat di atas, jelaskan pengertian ibadat. [2 markah]

- (b) Nyatakan **dua** contoh bagi setiap perkara di bawah.

- (i) Ibadat khusus yang berbentuk wajib. [4 markah]
- (ii) Ibadat khusus yang berbentuk sunat. [4 markah]
- (c) Islam mementingkan kualiti dan kecemerlangan dalam melakukan ibadat. Terangkan **dua** cara untuk merealisasikan perkara di atas [4 markah]


(d)



Gambar di atas menunjukkan contoh perbuatan haram yang mesti ditinggalkan.

Jelaskan **tiga** hikmah penetapan hukum haram dalam Islam [6 markah]

- (e) Melakukan ibadat dapat menjamin kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat. Bincangkan pernyataan di atas. [4 markah]
6. (a) Senaraikan **empat** sumber penyelesaian masalah dalam Islam. [4 markah]
- (b) Jelaskan **tiga** sebab masalah perlu diselesaikan mengikut cara Islam. [6 markah]
- (c)



Berdasarkan gambar di atas , kemukakan bukti bahawa Islam mampu menyelesaikan masalah kemiskinan. [4 markah]


- (d) Kesalahan-kesalahan bawah kategori takzir diputuskan oleh mahkamah dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.

Jelaskan **tiga** kesalahan yang termasuk dalam kategori takzir. [6 markah]

7. (a) Nyatakan jenis-jenis harta berserta contoh. [4 markah]

- (b) Terangkan **tiga** sebab mengapa umat Islam perlu mencari harta secara halal. [6 markah]

- (c)



Pada pandangan anda , apakah faktor yang menyebabkan anak-anak muda hari ini suka melibatkan diri dalam aktiviti di atas [4 markah]

- (d)



Terangkan **tiga** usaha yang boleh dilakukan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT